

**GARIS PANDUAN BIASISWA DOKTOR FALSAFAH DAN
PEMBIAYAAN PEMBANTU PENYELIDIK SISWAZAH (GRA)
FAKULTI PERUBATAN UKM**

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Pihak pengurusan Fakulti Perubatan melalui Mesyuarat Pengurusan Fakulti Bil.10/2023 bertarikh 27 Mac 2023 telah bersetuju untuk menawarkan Biasiswa Doktor Falsafah dan Pembiayaan Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) kepada calon pelajar tempatan dan antarabangsa yang cemerlang dan layak untuk memperoleh biasiswa/ Pembiayaan GRA sepanjang mengikuti pengajian di Fakulti Perubatan UKM.
- 1.2 Tadbir urus berkaitan biasiswa dan pembiayaan GRA ini dikendalikan oleh Sekretariat Pengajian Siswazah, Fakulti Perubatan dengan menggunakan peruntukan Akaun Aktiviti Penjanaan - Fakulti Perubatan (FPR1).
- 1.3 Garis panduan ini diwujudkan sebagai rujukan kepada calon pelajar program Doktor Falsafah di Fakulti Perubatan yang berminat untuk memohon Biasiswa Doktor Falsafah atau Pembiayaan GRA Fakulti Perubatan UKM.

2.0 TAFSIRAN

- 2.1 Biasiswa Doktor Falsafah ertinya bantuan kewangan dalam bentuk yuran pengajian yang diberikan untuk pelajar yang ingin meneruskan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah mod penyelidikan di Fakulti Perubatan.
- 2.2 Pembiayaan GRA ertinya bantuan kewangan dalam bentuk elaun kepada Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) yang ingin meneruskan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah mod penyelidikan di Fakulti Perubatan.
- 2.3 “Penyelia” ertinya seseorang staf akademik Universiti atau staf akademik dari luar Universiti atau pakar dari luar Universiti yang dilantik untuk menyelia penyelidikan, penyediaan disertasi/tesis dan membimbing serta menilai pengajian pelajar yang boleh terdiri daripada Penyelia Utama dan/atau Penyelia Bersama atau Jawatankuasa Penyeliaan seperti dinyatakan di bawah Perkara 34, Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2021.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Menarik minat pelajar untuk mengikuti pengajian Doktor Falsafah di Fakulti Perubatan UKM dengan bantuan kewangan sepanjang tempoh pengajian selama tiga (3) tahun.
- 3.2 Meningkatkan hasil penyelidikan di UKM melalui peningkatan pengambilan pelajar siswazah Doktor Falsafah tempatan dan antarabangsa yang cemerlang.

4.0 SKOP TAJAAN

- 4.1 Biasiswa Doktor Falsafah merangkumi yuran pengajian sahaja.
- 4.2 Pembiayaan GRA merangkumi elaun bulanan sebagai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) sahaja.

5.0 SYARAT TAWARAN DAN SYARAT PERMOHONAN

5.1 SYARAT TAWARAN BIASISWA DAN PEMBIAYAAN GRA

- 5.1.1 Tawaran hanya terbuka kepada calon pelajar yang mengikuti pengajian dengan mod penyelidikan sepenuh masa;
- 5.1.2 Tawaran hanya terbuka kepada calon pelajar yang tidak bekerja secara sepenuh masa dan/atau tidak mempunyai majikan tetap;
- 5.1.3 Tawaran yang diberikan serta bilangan pelajar yang akan menerima biasiswa dan Pembiayaan GRA adalah tertakluk kepada kelulusan pengurusan tertinggi Fakulti Perubatan UKM;
- 5.1.4 Tawaran diberikan secara berkala dan dihadkan kepada lima (5) pelajar baharu bagi biasiswa Doktor Falsafah dan lima (5) pelajar baharu bagi pembiayaan GRA pada sesuatu masa;
- 5.1.5 Tawaran hanya sah bagi pengajian sepenuh masa dan untuk tempoh tiga (3) tahun pengajian;
- 5.1.6 Tawaran hanya sah untuk calon pelajar baharu atau pelajar yang baru mendaftar dalam tempoh satu (1) bulan pada semester pertama pengajian; dan

- 5.1.7 Calon yang menerima bantuan kewangan, biasiswa atau pinjaman daripada pihak luar atau agensi kerajaan seperti JPA/ PTPTN/ MARA dan lain-lain tidak layak menerima biasiswa atau Pembiayaan GRA ini.

5.2 SYARAT PERMOHONAN BIASISWA DAN PEMBIAYAAN GRA

- 5.2.1 Calon memperoleh keputusan PNGK 3.50 dan ke atas dalam pengajian peringkat sarjana secara kerja kursus/ mod campuran/ penyelidikan daripada universiti yang diiktiraf oleh Senat UKM;
- 5.2.2 Calon telah menerima surat tawaran untuk mengikuti pengajian Doktor Falsafah di Fakulti Perubatan UKM;
- 5.2.3 Calon perlu menyertakan surat sokongan rujukan profesional daripada penyelia pelajar yang dipersetujui dalam surat tawaran;
- 5.2.4 Calon perlu menyertakan proposal kajian yang lengkap;
- 5.2.5 Calon telah menerbitkan sekurang-kurangnya satu (1) artikel dalam jurnal terindeks WoS/ SCOPUS/ERA dalam tempoh lima tahun kebelakang;
- 5.2.6 Calon telah membentangkan kertas di persidangan peringkat antarabangsa;
- 5.2.7 Calon bebas daripada penyakit kronik/ berjangkit/ penyakit yang memerlukan rawatan susulan; dan
- 5.2.8 Calon perlu menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan iaitu enam (6) semester. Sebarang pelanjutan tempoh penajaan tidak akan dipertimbangkan kecuali atas sebab yang dibenarkan oleh pengurusan tertinggi Fakulti Perubatan.

5.3 SYARAT UNTUK PENYELIA

- 5.3.1 Penyelia utama mestilah terdiri daripada kakitangan akademik di Fakulti Perubatan UKM yang masih aktif.
- 5.3.2 Penyelia utama perlu menjadi ketua projek bagi sekurang-kurangnya satu (1) projek penyelidikan aktif dan mempunyai dana yang mencukupi bagi menyokong penyelidikan calon sepanjang tempoh pengajian calon.
- 5.3.3 Penyelia bersama boleh terdiri daripada kakitangan akademik di Fakulti Perubatan atau staf akademik dari luar Universiti atau pakar dari luar Universiti yang dilantik bagi tujuan penyeliaan.

6.0 PROSEDUR PERMOHONAN

Pemohon perlu melengkapkan borang permohonan yang dimuat turun melalui laman web Sekretariat Pengajian Siswazah (SPS) dan mengemukakan dokumen sokongan seperti dalam senarai semak ke emel: spsfper@ukm.edu.my.

- 6.1 Senarai semak bagi borang permohonan seperti di Lampiran A.
- 6.2 Proposal kajian perlu merangkumi perkara seperti berikut:
 - 6.2.1 Tajuk penyelidikan
 - 6.2.2 Ringkasan eksekutif
 - 6.2.3 Latar belakang penyelidikan
 - 6.2.4 Objektif kajian
 - 6.2.5 Metodologi kajian
 - 6.2.6 Jangkaan output
 - 6.2.7 Carta perbatuan

7.0 KRITERIA PENILAIAN

7.1 Setiap permohonan yang diterima akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Biasiswa yang terdiri daripada:

7.1.1 Dekan / wakil;

7.1.2 Timbalan Dekan (Siswazah);

7.1.3 Penolong Dekan (Kualiti & Strategi); dan

7.1.4 Ketua Program Siswazah.

7.2 Permohonan akan dinilai mengikut tatacara yang ditetapkan iaitu saringan awal oleh Ketua-ketua Program, pembentangan oleh Ketua Program di Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Biasiswa, dan temu duga bersama calon yang telah disenarai pendek.

8.0 PEMAKLUMAN KEPUTUSAN PERMOHONAN

8.1 Permohonan yang berjaya atau gagal akan dimaklumkan melalui surat rasmi dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Biasiswa bersidang.

9.0 PENERIMAAN TAWARAN

9.1 Calon yang menerima tawaran dikehendaki menandatangani Surat Akuan Penerimaan tawaran Biasiswa Doktor Falsafah atau Pembiayaan GRA dan mengembalikannya kepada Fakulti Perubatan UKM dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat tawaran.

10.0 PENILAIAN PRESTASI

10.1 Penilaian dan pemantauan pelajar Biasiswa Doktor Falsafah dan Pembiayaan GRA akan dibuat setiap enam (6) bulan. Pelajar perlu membentangkan laporan kemajuan kepada Penyelia dan Jawatankuasa Penilaian Kemajuan Pelajar yang terdiri daripada:

10.1.1 Timbalan Dekan (Siswazah);

10.1.2 Ketua Program Siswazah; dan

10.1.3 Pensyarah yang dilantik oleh Timbalan Dekan (Siswazah).

- 10.2 Pelajar hendaklah memajukan laporan kemajuan calon kepada pihak Sekretariat Pengajian Siswazah satu (1) bulan sebelum semester baharu bermula.
- 10.3 Penyelia perlu membuat Laporan Kemajuan Calon berpandukan Borang Penilaian Rubrik Pembentangan Kemajuan Penyelidikan pada setiap semester.
- 10.4 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang perlu dicapai oleh pelajar adalah seperti berikut:

KPI	Biasiswa Doktor Falsafah	Pembiayaan GRA
Tahun pertama	1. Sekurang-kurangnya satu (1) artikel dalam bidang penyelidikan telah dihantar ke jurnal terindeks (WoS).	
Tahun kedua	1. Sekurang-kurangnya satu (1) artikel dalam bidang penyelidikan telah diterbitkan dalam jurnal terindeks (WoS). 2. Membuat pembentangan dalam bidang penyelidikan di persidangan antarabangsa.	
Tahun ketiga	1. Menerbitkan satu (1) lagi artikel dalam bidang penyelidikan dalam jurnal terindeks (WoS).	

11.0 KAEDAH PEMBIAYAAN

- 11.1 Pembiayaan Biasiswa Doktor Falsafah dan GRA ini dibuat dengan menggunakan dana peruntukan FPR1.
- 11.2 Pembiayaan ini akan diberikan kepada pelajar berdasarkan semester pengajian mengikut kalendar akademik UKM.

12.0 PEMBATALAN ATAU PEMBERHENTIAN BIASISWA DAN PEMBIAYAAN GRA

12.1 Biasiswa dan Pembiayaan GRA ini akan terbatal atau terhenti sekiranya:

- 12.1.1 Pelajar enggan mematuhi sebarang arahan pihak Fakulti dan/atau Universiti;
- 12.1.2 Pelajar tidak memenuhi KPI yang ditetapkan pada mana-mana semester pengajian;
- 12.1.3 Pelajar menangguhkan pengajian tanpa kebenaran pengurusan tertinggi fakulti;
- 12.1.4 Pelajar didapati mengemukakan maklumat atau dokumen palsu atau menyembunyikan apa-apa maklumat;
- 12.1.5 Pelajar didapati bersalah atas apa-apa pelanggaran tata tertib atau undang-undang yang berkuatkuasa semasa pengajian atau melakukan apa-apa perbuatan yang menjatuhkan nama baik fakulti;
- 12.1.6 Pelajar didapati terlibat dalam kes jenayah termasuk jenayah syariah;
- 12.1.7 Pelajar menarik diri atau berhenti daripada pengajian sebelum menyempurnakan pengajiannya;
- 12.1.8 Pelajar tidak mendaftar pengajian bagi semester baharu;
- 12.1.9 Pelajar telah melebihi tempoh minimum pengajian yang ditetapkan;
- 12.1.10 Pelajar gagal memperoleh ijazah Doktor Falsafah;
- 12.1.11 Pelajar gagal mengemukakan laporan kemajuan pengajian pada mana-mana semester pengajian;
- 12.1.12 Pelajar didapati melanggar syarat-syarat perjanjian; atau
- 12.1.13 Apa-apa keadaan lain yang menyebabkan pemberian biasiswa atau Pembiayaan GRA dibatalkan atau dihentikan kepada pelajar.


- 12.2 Pembatalan/pemberhentian biasiswa atau pembiayaan GRA ini akan menyebabkan tindakan tuntutan gantirugi dikenakan kepada pelajar dan pelajar dikehendaki untuk membayar semula kos yang ditaja oleh Fakulti sepanjang pengajiannya.
- 12.3 Notis pembatalan/pemberhentian biasiswa atau pembiayaan GRA serta Notis Tuntutan Gantirugi akan dikeluarkan kepada pelajar yang didapati memenuhi mana-mana perkara 12 Garis Panduan ini.

13.0 TARIKH KUAT KUASA

- 13.1 Garis panduan ini berkuat kuasa mulai kelulusan Mesyuarat Senat ke-522 bertarikh 27 Ogos 2025.

14.0 CARTA ALIR

14.1 Berikut adalah carta alir proses kelulusan Biasiswa Doktor Falsafah dan Pembiayaan GRA.



Disediakan oleh:

Jawatankuasa Sarjana & PhD Fakulti Perubatan UKM

Prof. Datin Dr. Norlinah Mohamed Ibrahim
Timbalan Dekan (Siswazah)

Prof. Dr. Syahrul Sazliana Shahrir
Jabatan Perubatan

Prof. Dr. Idayu Badilla Idris
Jabatan Perubatan Kesihatan Awam

Prof. Madya Dr. Mohd Helmy Mokhtar
Jabatan Fisiologi

Prof. Madya Dr. Teoh Seong Lin
Jabatan Anatomi

Prof. Madya Dr. Elena Aisha Azizan
Jabatan Perubatan

Dr. Aishah Hani Azil
Jabatan Parasitologi & Entomologi Perubatan

Sekretariat Pengajian Siswazah
Fakulti Perubatan UKM

Tarikh Kemaskini: 15 Mei 2025